



PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

Bilangan 2 Tahun 2020

PEKELILING PEMAKLUMAN GARIS PANDUAN JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai garis panduan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni yang menerangkan secara terperinci pelaksanaan program dan aktiviti Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan kaedah pengurusan di peringkat Universiti dan PTJ

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Majlis Eksekutif (MEU) bilangan 35/2020 pada 28 Oktober 2020 telah meluluskan empat garis panduan Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni seperti berikut:

- a) Garis Panduan Jaringan Industri UiTM
- b) Garis Panduan Jaringan Komuniti UiTM
- c) Garis Panduan Jaringan Alumni UiTM
- d) Garis Panduan Libatsama Industri, Komuniti dan Alumni Pasca COVID-19 UiTM.

2.2 Pembangunan Garis Panduan Jaringan Universiti adalah bertujuan bagi:

- a) Mewujudkan satu aras jaringan universiti yang berstruktur dari segi proses perancangan, pelaksanaan dan pengawalan jaringan melibatkan semua PTJ;
- b) Memastikan keseragaman skop program dan aktiviti jaringan universiti;
- c) Mewujudkan tatacara libatsama demi menjaga nilai dan budaya pemegang taruh yang terlibat;
- d) Mewujudkan integrasi dan sinergi jaringan dari pelbagai peringkat PTJ; dan
- e) Menekankan kelestarian dalam inisiatif jaringan setiap PTJ menerusi sistem penarafan bintang.

- 2.3 Jaringan komuniti adalah merujuk kepada proses di mana organisasi dan individu membina secara berterusan atau hubungan secara tetap melalui kerjasama yang memberi manfaat kepada masyarakat menerusi program-program komuniti berimpak tinggi. Ianya merangkumi penyertaan dari awal dengan mengenalpasti isu, permasalahan dan cabaran didorong dengan usaha menggerakkan sumber-sumber serta menggariskan strategi yang relevan dalam meningkatkan masyarakat ke arah perubahan.
- 2.4 Jaringan Industri adalah merujuk kepada aktiviti melibatkan kolaborasi, perkongsian ataupun kerjasama strategik antara UiTM dan pihak industri. Ianya dilaksanakan melalui pelbagai platform dan inisiatif termasuk sangkutan industri (kakitangan mahupun pelajar), penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, khidmat kepakaran, dan konsultasi dengan setiap aktiviti disertakan dengan surat pengesahan tawaran atau penerimaan, surat niat kerjasama (*letter of intent*) atau perjanjian persetujuan [*Memorandum of Understanding (MOU)* atau *Memorandum of Agreement (MoA)*].
- 2.5 Jaringan Alumni merujuk kepada proses di mana organisasi dan individu membina hubungan yang berterusan dan kekal serta mengaplikasikan visi kerjasama yang memberi manfaat kepada alumni. Ianya merangkumi penyertaan di peringkat awalan daripada mengenalpasti isu-isu dan menggerakkan sumber dan strategi yang relevan untuk penambahbaikan ekosistem UiTM. Unsur-unsur penglibatan, perkongsian, kerjasama dan kemampanan adalah penting demi memastikan fungsi sosial dan kesejahteraan. Ianya turut merangkumi penglibatan alumni secara sukarela bagi manfaat pengetahuan dan sumber.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Garis Panduan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni serta Garis Panduan Libatsama Industri, Komuniti dan Alumni Pasca COVID-19 UiTM boleh dimuat turun dari laman web www.ican.uitm.edu.my

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 9 November 2020.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 9 November 2020.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Pekeliling ini terpakai kepada staf Universiti Teknologi MARA dan untuk edaran dalaman sahaja.



PROFESOR DATO' DR RAHMAT MOHAMAD
Timbalan Naib Canselor

Salinan Kepada :

Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Semua Staf UiTM